

PM: Umat Islam tidak boleh putus asa

Giatkan usaha sambil berdoa

25 APR 1985

KUALA LUMPUR, Khamis

— Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kelembapan ekonomi dan kejatuhan harga barangan utama negara sekarang menguji sejauh manakah kesabaran dan keimanan rakyat dalam menghadapi dugaan Allah.

Keadaan itu juga, tegas Perdana Menteri, adalah untuk

Oleh MANJA ISMAIL

melihat sejauh mana pula kebijaksanaan hamba-Nya berusaha mengatasi cabaran itu.

"Oleh itu, sambil kita sebagai umat Islam berdoa kepada Allah dan memohon pertolongan-Nya, kita hendaklah mengemblangkan tenaga serta fikiran bagi mengatasi tekanan yang dihadapi.

"Sebagai orang Islam, kita tidak boleh kecewa atau berputus asa. Ujian Allah tetap mempunyai khasiat tertentu walaupun kita tidak nampak apa adanya," ujarnya.

Bagi pihak kerajaan, tegas beliau beberapa usaha sudah, sedang dan akan

diambil bagi menghadapi suasana ekonomi yang lembap ini, seperti mewujudkan industri kecil yang menggunakan bahan mentah tempatan di kampung-kampung dan sebagainya.

Amat tertekan

Perdana Menteri menegaskan demikian ketika merasmikan Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Kebangsaan di Pusat Islam malam ini. Tema musabaqah kali ini ialah *Berjimat Berkat, Membazir Mudharat*.

Beliau berkata, kerajaan sedar sebahagian rakyat amat tertekan dengan

kejatuhan harga barangan utama serta ramai yang menganggur atau pendapatan mereka turun dengan banyak.

Sehubungan itu, tegasnya, cara paling penting serta dituntut oleh Islam dalam menghadapi zaman kelembapan ekonomi sekarang ialah berjimat cermat dan mengelakkan pembaziran.

Katanya, tabiat berjimat bukan sahaja menjamin keutuhan dan kekuatan ekonomi, malah akan menolong mengukuhkan ketahanan umat dan negara.

"Dengan berjimat kita akan dapat menyelamatkan diri daripada pelbagai tekanan seperti hutang yang tidak dapat dibayar dan kehilangan harta kerana berbelanja melebihi pendapatan.

"Sebagai orang Islam, dengan berjimat cermat kita tidak boleh mungkir

daripada membayar balik segala hutang dan mungkin dapat mengumpul wang untuk dilabur atau sebagai modal perniagaan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, suruhan berjimat cermat bukan sahaja terhad kepada kegiatan ekonomi atau ketika ekonomi mendesak, tetapi harus berjimat sepanjang masa dengan semua yang ada.

"Kita harus berjimat dengan masa. Kita harus berjimat dengan harta, dengan persaudaraan keluarga, rakan dan persaudaraan keIslaman kita, dengan keamanan masyarakat kita dan dengan semua kebahagiaan yang sebenarnya adalah anugerah Allah kepada kita," katanya.

Dituntut

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyeru rakyat supaya berdisiplin, bekerja keras, meningkatkan daya pengeluaran kerana semuanya itu sebahagian daripada amalan berjimat cermat yang dituntut oleh Islam.

"Dengan perkataan lain, seruan itu secocok dengan penerapan nilai-nilai Islam. Mereka yang mempersendakan seruan kerajaan atau sengaja tidak menghiraukannya, pada hakikatnya menentang penerapan nilai-nilai Islam.

"Begitu juga jika kita membelakangkan seruan ini dengan menumpukan kepada perkara-perkara kecil yang dicipta untuk membeza serta membahagikan orang Islam," tegasnya.

Beliau berkata, dalam masa rakyat mengukuhkan iman dan mendalami ajaran Islam, mereka juga perlu menguasai ilmu-ilmu lain termasuk bidang sains dan teknologi, agar tidak ketinggalan serta bergantung sepanjang masa kepada orang lain.

"Kita tidak menafikan pentingnya ilmu lain termasuk yang berkaitan dengan aqidah dan ibadat. Tetapi amatlah bercanggah dengan ajaran Islam kalau kita menepikan sains dan teknologi.

"Jika sains dan teknologi diguna secara tidak angkuh dan dengan penuh kesedaran akan kebesaran Allah, kita akan dapat berjimat dengan segala apa yang ada pada kita," katanya.